

Daftar Pengurus Harta dilancar

➔ Pindaan akta bolehkan amalan kawal selia aset lebih sempurna

Oleh Mahanum Abdul Aziz dan Wan Noor Hayati Wan Alias
bhbiz@bh.com.my

➔ Kuala Lumpur

Kerajaan semalam, melancarkan Daftar Pengurus Harta bagi memastikan amalan pengurusan harta dikawal selia dengan sempurna di negara ini.

Ia susulan pindaan Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah 1981 (Akta 242), yang diluluskan pada 17 Oktober 2017 dan diwartakan pada 2 Januari lalu.

Pelancaran disempurnakan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar.

Noh berkata, pengurusan strata yang dikawal selia dengan sempurna akan membawa kesejahteraan kepada rakyat dan keyakinan kepada pelabur.

"Sebanyak 16,394 aduan diterima Pesuruhjaya Bangunan me-

rangkumi aspek pengurusan dan penyelenggaraan harta strata yang jumlahnya kini sekurang-kurangnya 19,000 skim di seluruh negara, membabitkan 7.5 juta penduduk.

"Pindaan Akta 242 memperuntukkan tempoh pemutihan selama setahun bagi pengamal pengurusan harta yang memenuhi syarat untuk terus mendaftar sebagai Pengurus Harta Berdaftar.

"Dua manfaat selepas mendaftar adalah firma tidak perlu menyediakan bon RM50,000 untuk sesuatu bangunan kediaman berstrata dan mereka juga diiktiraf sebagai profesional yang menawarkan khidmat mengikut Akta 242," katanya berucap pada majlis pelancaran yang turut dihadiri Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani, di sini, semalam.

Sasar 10,000 permohonan

Sementara itu, Noh berkata, kementerianya menyasarkan 10,000 permohonan baharu Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama (MyDeposit) yang dilanjut-



(FOTO HALIM SALEH/BH)

Johari, Noh dan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Nordin Daharom pada majlis pelancaran Daftar Pengurus Harta Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta di Kuala Lumpur, semalam.

kan sehingga Disember ini dengan jumlah permohonan setakat ini sudah mencecah 3,000.

"Kerajaan menerima banyak permohonan tetapi ramai tidak berjaya pada peringkat kelulusan pinjaman perumahan bank. MyDeposit menetapkan syarat utama pemohon mesti lulus pinjaman bank kerana kita bimbang geran diberi tidak digunakan untuk membeli rumah.

"Syarat lain adalah ia mesti permohonan rumah pertama dan bukan jenis rumah subsidi kerajaan seperti rumah Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA).

"Sejak MyDeposit diperkenalkan pada 2016, kerajaan sudah membelanjakan RM500 juta dan ada lagi tambahan peruntukan seperti diumumkan dalam Bajet 2018 dengan sasaran sejuta rakyat memiliki rumah sendiri," katanya.

Noh berkata, kementerianya juga memperuntukkan RM180 juta tahun ini untuk penyelenggaraan rumah kos rendah dan sederhana di Selangor, iaitu 60 peratus da-



Sebanyak 16,394 aduan diterima Pesuruhjaya Bangunan merangkumi aspek pengurusan dan penyelenggaraan harta strata yang jumlahnya kini sekurang-kurangnya 19,000 skim di seluruh negara, membabitkan 7.5 juta penduduk"

Noh Omar,
Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

ri pada keseluruhan peruntukan RM300 juta bagi kegunaan itu yang diumumkan dalam Bajet 2018 untuk seluruh negara kecuali Kuala Lumpur.

Bantu penghuni perumahan

"Kos tinggi itu untuk membantu penghuni perumahan berkenaan yang mengalami pelbagai masalah penyelenggaraan dan tidak diurus dengan baik. Dalam tinjauan saya, perumahan kos rendah dan sederhana di Selangor sangat tidak memuaskan.

"Ia termasuk lif rosak, tiada kemudahan membawa jenazah, atap bocor serta cat lusuh.

Bayangkan rumah pangsa 16 tingkat hanya ada dua lif tetapi rosak, lebih teruk situasi 'jenazah berdiri' iaitu (mayat) terpaksa di-usung dalam keadaan berdiri kerana lif sangat sempit.

"Walaupun projek perumahan itu di bawah kerajaan Selangor, Kementerian sentiasa membantu demi kepentingan rakyat," katanya.